

KENYATAAN MEDIA
UNTUK SIARA SEGERA

PROGRAM SOORIAN: INISIATIF PERNAS BANTU USAHAWAN INDIA

KUALA LUMPUR, 8 Oktober 2025 – Perbadanan Nasional Berhad (Pernas) hari ini melancarkan Program SOORIAN, satu inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang bertujuan memperkasa penyertaan komuniti India dalam bidang keusahawanan francais.

Majlis peluncuran yang berlangsung di Menara Pernas itu disempurnakan oleh YB Dato' Sri Ramanan Ramakrishnan, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang turut dihadiri oleh Datuk Nor Azam M. Taib, Ketua Pegawai Eksekutif Pernas, bersama wakil agensi kerajaan, koperasi, serta rakan industri francais.

SOORIAN – Platform Francais untuk Pembangunan Komuniti India

Program SOORIAN yang membawa maksud "*matahari*" dalam bahasa Tamil, direka khusus untuk membantu komuniti India mengembangkan potensi dalam keusahawanan francais melalui latihan, bimbingan, dan akses kepada pembiayaan.

Sebagai inisiatif CSR di bawah Pernas, program ini menyasarkan 1,000 peserta di seluruh negara, merangkumi 20 bakal francaisor, 100 bakal francaisi, 400 usahawan kecil, dan 500 peserta penempatan kerja. Pelaksanaan program ini disokong dengan peruntukan dana sebanyak RM54.5 juta.

Lima komponen utama yang menjadi tunjang pelaksanaan Program SOORIAN merangkumi Latihan Asas Francais, Latihan Kesedaran Halal, Penempatan Industri, Pembangunan Francaisor, serta Akses kepada Pembiayaan. Kesemuanya dirangka bagi memastikan peserta mendapat pendedahan menyeluruh dari aspek pengetahuan, kemahiran dan peluang keusahawanan dalam ekosistem francais.

Menurut Datuk Nor Azam, Program SOORIAN menggambarkan peranan Pernas bukan sekadar sebagai agensi pembiayaan, tetapi juga sebagai rakan pembangunan sosial yang membantu memperkuat kesejahteraan rakyat melalui model francais.

“Melalui SOORIAN, Pernas ingin membuka laluan kepada komuniti India untuk terlibat secara aktif dalam ekosistem francais bukan hanya sebagai usahawan, tetapi sebagai sebahagian daripada rangkaian ekonomi yang kukuh dan mampan,” ujar beliau.

Beliau turut menambah bahawa peserta SOORIAN akan diberi peluang menjalani latihan praktikal bersama jenama francais di bawah kumpulan Pernas seperti 1901 dan Gloria Jean’s Coffees (GJC), bagi memberi pendedahan sebenar kepada operasi francais yang berjaya.

Sokongan KUSKOP untuk Keusahawanan Inklusif

Dalam ucapannya, YB Dato’ Sri Ramanan Ramakrishnan menyifatkan SOORIAN sebagai satu langkah strategik yang sejajar dengan Agenda MADANI dan Dasar Keusahawanan Negara 2030, yang menekankan keterangkuman sosial serta peluang ekonomi saksama untuk semua lapisan masyarakat.

“Inisiatif ini bukan sekadar membina usahawan baharu, tetapi memperkasa komuniti India agar terus maju dan berdaya saing dalam industri francais, sekaligus menyumbang kepada perpaduan ekonomi nasional,” katanya.

Beliau turut menyeru lebih banyak pihak termasuk agensi kerajaan dan swasta untuk berganding bahu dengan Pernas dalam menjayakan pelaksanaan program ini di seluruh negara.

Komitmen Berterusan Pernas

Pernas kini meneruskan peranannya sebagai peneraju pembangunan industri francais negara melalui pelbagai program seperti Be Your Own Boss (BYOB), Business in Transformation (BIT), dan Xcelerator. Inisiatif SOORIAN memperkukuh lagi usaha ini dengan menumpukan kepada pembangunan komuniti yang lebih inklusif dan mampan.

“SOORIAN adalah pelaburan sosial jangka panjang, melahirkan usahawan baharu, menyediakan peluang pekerjaan, dan mengukuhkan kesejahteraan rakyat,” tambah Datuk Nor Azam.

-TAMAT-

Untuk maklumat lanjut mengenai program ini atau inisiatif lain Pernas, sila hubungi:

Nurshuhadah Hamid

Pemangku Ketua Jabatan Komunikasi Strategik

Emel : shuhadah.hamid@pernas.my

No. Telefon : +603-2082 7788 samb. 7948

PERBADANAN NASIONAL BERHAD (PERNAS)

Perbadanan Nasional Berhad (Pernas) adalah sebuah syarikat yang dimiliki oleh Menteri Kewangan Diperbadankan (Kementerian Kewangan) dengan mandat untuk menerajui pembangunan industri francais di Malaysia dan membantu mengembangkan komuniti keusahawanan negara.

Pernas komited untuk memperkasakan pertumbuhan keusahawanan dan industri francais di Malaysia. Dari bimbingan hingga menghubungkan jalinan rangkaian, pembiayaan dan latihan, kami menyasarkan untuk mengembangkan pengetahuan, mengukuhkan komuniti francais dan memupuk bakat francais generasi akan datang. Dengan cara ini, kami percaya ia dapat memacu perubahan positif merentasi landskap keusahawanan Malaysia.

Laman web : www.pernas.my

Facebook : pernasofficial

Twitter : pernasofficial

Instagram : pernasofficial